



Ramli Sarip



M.Nasir



Khatijah Ibrahim

Ramli Sarip, M.Nasir, Khatijah Ibrahim serikan konsert Unimas

RAMLI SARIP, M. Nasir dan Khatijah Ibrahim akan menyerikan Konsert Muzikal Konvokesyen Unimas di Godown Amphiteatre, Tebingan Kuching hari ini.

Persembahan yang akan bermula pada jam 5.30 petang hingga 11.00 malam itu dijangka mendapat sambutan meriah terutamanya di kalangan ketiga-tiga peminat penyanyi tersebut.

Menurut jurucakap Encik Zakaria Abdul Manan, konsert tersebut ialah

salah satu daripada aktiviti tahunan Unimas.

"Peminat juga akan dihiburkan dengan persembahan pusat kebudayaan, Fifth Wive Band yang juga merupakan pengiring kepada persembahan ketiga-tiga penyanyi itu," katanya.

Katanya, mereka yang tinggal di sekitar bandar raya Kuching adalah dijemput hadir untuk memeriahkan lagi konsert berkenaan.